

77 Pelajar Tamatkan Kursus IEC

Seramai 77 pelajar antarabangsa yang mengikuti Kursus Bahasa Inggeris Antarabangsa (IEC) selama enam bulan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) diraikan dalam Majlis Graduasi yang diadakan pada 1 April 2014 lalu. Mereka adalah pelajar daripada 14 buah negara iaitu Bosnia, Chad, China, Djibouti, Ethiopia, Iraq, Jordan, Maghribi, Myanmar, Somalia, Sudan, Syria, Uzbekistan dan Yemen.

Pada majlis tersebut, pelajar dari Somalia Khalid Abubakar Ahmed meraih anugerah Versatil di atas sumbangan aktif beliau dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak universiti. Anugerah Paling Menonjol pula diraih oleh Arif Sakanovic dari Bosnia, Muhammadali Boymatov dari Uzbekistan dan Mohammed Saeed Moqbel Abdullah serta Mohammed Maged Abdullah Al Qadasi dari Yemen.

